

Bulatkan jawapan di bawah .

1. Baca situasi berikut dan jawab soalan di bawah.

Kelas 1 Bakawali melakukan kerja amali di dalam bengkel masakan. Ketika murid lain sibuk menyiapkan tugas, Raven dan Sani bermain kejar-kejar sambil memegang garpu dan sudip di tangan mereka. Tiba-tiba, Sani terjatuh dan kepalanya luka akibat terkena bucu meja kayu yang tajam.

Apakah pernyataan yang sesuai dengan situasi di atas?

- A. Dilarang masuk tanpa kebenaran.
- B. Dilarang bermain dan bergurau ketika di dalam bengkel.
- C. Dilarang memakai apron ketika melakukan amali.

2. Pernyataan manakah merupakan peraturan paling utama di dalam bengkel?

- A. Tutup suis elektrik dan kipas setelah digunakan.
- B. Ambil peralatan yang disenaraikan dalam tugas sahaja.
- C. Beratur dan minta kebenaran guru sebelum masuk ke dalam bengkel.

3. Apakah kepentingan memakai apron di dalam bengkel masakan ?

- A. Dapat menyejukkan badan yang panas.
- B. Dapat mengelakkan baju daripada terkena kotoran.
- C. Dapat mengelakkan pemindahan kuman dari baju ke dalam makanan.

4. Bagaimanakah cara mengelakkan kecederaan tangan Ketika menghiris bawang?

- A. Memakai pelindung mata.
- B. Memakai alas potong plastik.
- C. Memakai sarung tangan getah.

5. Berikut adalah kesan positif menyuarakan pendapat **KECUALI**?

- A. Membaiki kelemahan institusi yang ada.
- B. Dapat memperjuangkan hak sesuatu kaum.
- C. Meningkatkan amalan rasuah dalam pentadbiran.

Farid seorang murid Orang Kelainan Upaya (OKU) fizikal. Dia berpindah ke sebuah sekolah baharu yang kelasnya berada di tingkat tiga. Farid menggunakan kerusi roda untuk bergerak. Ini menyukarkannya untuk bergerak ke kelas tersebut.

6. Bagaimanakah cara Farid menyuarakan haknya untuk mendapat pembelajaran di kelas tingkat bawah?

- A. Membuat laporan polis akan permasalahan itu.
- B. Memohon budi bicara pengetua untuk memindahkannya ke kelas yang berada di tingkat bawah.
- C. Membuat perhimpunan di hadapan sekolah dan mendesak pihak sekolah memindahkannya ke kelas yang berada di tingkat bawah.

Airena menjadi buta akibat daripada kemalangan jalan raya. Apabila dia kembali ke sekolah, dia menghadapi pelbagai masalah seperti belajar, membaca dan menjalankan aktiviti kokurikulum.

7. Cara yang sesuai bagi Airena untuk membuat permohonan kepada pejabat pendidikan bagi membantunya ialah melalui:

- A. E-mel.
- B. Surat rasmi.
- C. Surat tidak rasmi.

8. Ketika di tempat awam seperti pasar raya, kita harus.....

- A. beratur ketika membayar
- B. menjerit-jerit dengan kuat
- C. memakai pakaian yang singkat
- D. memotong barisan ketika membayar

9. Yang manakah pakaian yang **TIDAK SESUAI** untuk MAJLIS HARI JADI rakan?

- A. pakaian tradisional
- B. jersi bola sepak dan seluar pendek
- C. kemeja dan seluar panjang
- D. gaun dan baju kurung

10. Kita harus memotong kuku

- A. 1 bulan sekali
- B. 1 minggu sekali
- C. 1 tahun sekali
- D. setiap hari

